

DI SEKITAR PERADUAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH


Anjuran Persatuan Persuratan P.P. Melayu, Singapura

Dengan maksud melatih dan mendidik anak-anak Melayu supaya pandai berbahas dalam bahasa ibunya iaitu bahasa Melayu maka baharu-baharu ini Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu telah mengadakan peraduan bahas yang terbuka khas kepada seluruh sekolah-sekolah – Melayu, Inggeris dan agama dan telah mendapat sambutan yang tidak disangka-sangka dari masyarakat.

Sepanjang masa peraduan itu diadakan iaitu sebanyak empat kali, saya merasa terharu sekali melihat kepada kebijaksanaan pengambil-pengambil bahagian bertikam lidah dengan lancar dan penuh bersemangat sehingga ada di antara pengadil-pengadil merasa bangga dan seakan-akan terasa bahawa bukan dalam majlis peraduan bahas sekolah-sekolah yang mereka sedang berada tetapi dalam satu majlis bahas ahli-ahli pidato



Penuntut-penuntut Sekolah Perempuan Pertukangan Tangan Geylang yang telah berjaya menjadi naib johan bahagian tinggi.



Sebahagian dari hadirin yang sedang asyik mendengar tunas-tunas baharu, berbahas dengan petahnya. Di tengah-tengah kelihatan

Tuan Za'ba dan isteri.

* * *

yang ternama.

Salah satu perbincangan yang menarik hati dan menimbulkan ketegangan ialah antara Madrasah Aljunied Al-Islamiah dengan Sekolah Pertukangan Tangan Geylang (Perempuan) atas tajuk : “Kaum Wanita Tidak Patut Diberi Pelajaran Tinggi”. Di antara hujah-hujah yang diberikan oleh pihak pencadang (Madrasah Aljunied) ialah “memberi kaum wanita pelajaran tinggi bererti membanyakkan anak-anak dara tua dan itulah yang menyebabkan kerosakan akhlak.”

Dalam peraduan final bahagian tinggi pula antara Madrasah Aljunied dengan Sekolah Pertukangan Tangan Geylang yang telah diadakan pada 8 April yang lalu atas tajuk “Tanggungjawab Lelaki Lebih Berat Dari Tanggungjawab

Perempuan” itu sekali lagi menimbulkan ketegangan sehingga banyak daripada hadirin yang ingin bangun berucap. Tetapi oleh terbatasnya waktu maka tak dapatlah dilayan permintaan-permintaan hadirin itu. Di antara hujah-hujah yang telah diberikan oleh pihak pencadang ialah “tanggungjawab perempuan ialah tidak lebih daripada menyusui anak-anaknya di rumah”.

Keputusannya: Johan bahagian tinggi dimenangi oleh Madrasah Aljunied dan naibnya ialah Sekolah Perempuan Pertukangan Perempuan Geylang. Johan bahagian rendah dimenangi oleh Sekolah Inggeris Perempuan Katong dan naibnya ialah Sekolah Perempuan Pertukangan Tangan Geylang – Pemerhati.



Penuntut-penuntut Madrasah Aljunied Al-Islamiah johan bahagian tinggi dalam peraduan bahas anjuran Persatuan Persuratan P.P. Melayu, Singapura.

KEMBALI KEPADA KERTAS PUTIH

Tuhanku,
aku lahir,
mengucup nikmat-Mu terukir,
dipanggung kehidupan yang masih berputar,
memuja nama-Mu tidak berkisar,
selagi itu aku tidak gentar,
mengharungi perjuangan nan berpusar-pusar.
tidak beza disekutu alam,
dari pandangan yang tajam.
biar tubuhku remuk,
namun mataku tidak pernah mengantuk.
Tuhanku,
aku berseru,
berpadu,
berganding bahu,
melalui jejak menatap wajah-Mu.
Tuhanku,
bentukku dari tanah,
pasti kan punah,
kembali ke tanah juga,
mengadu nasib neraka atau pun syurga.

Samar Senja. Singapura.